

AI permudahkan SPR urus pilihan raya, pengundi tunai tanggungjawab

- SPR boleh menggunakan AI untuk melihat keseluruhan perjalanan pilihan raya secara mikro dan makro, selain memberi cadangan untuk menyelesaikan masalah yang timbul

- Capaian kepada aplikasi AI perlu secara inklusif tanpa terhad kepada penggunaan peranti pintar tertentu sahaja, sebaliknya boleh diguna pakai sebarang telefon pintar



Oleh Prof Dr Rusli Abdullah
bhrencana@bh.com.my

Pengurusan pilihan raya masih mempunyai ruang untuk penambahbaikan, sekali gus boleh diperkasa dengan kewujudan pelbagai kemudahan teknologi dan sistem pintar yang kini dimiliki semua pihak berkepentingan.

Justeru, penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) sangat penting untuk memudahkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengendalikan instrumen demokrasi itu, selain meningkatkan mutu perkhidmatan termasuk pilihan raya kecil (PRK) yang perlu diadakan dari semasa ke semasa.

Sebagai contoh, pengurusan pilihan raya seperti pendaftaran pengundi dan calon bertanding dapat diurus dengan sistematik dan dicapai dalam talian melalui sistem notifikasi ke alat pintar kepada pihak terbabit seperti parti politik bertanding dan pengundi.

Capaian kepada sistem ini oleh pihak berkepentingan juga dapat dilakukan melalui peranti pintar pada setiap masa dan di mana sahaja mereka berada.

Selain itu, keupayaan teknologi AI membantu proses pemantauan dan pelaksanaan pengundian terutama untuk mencari, mengesan dan menggalakkan pengundi yang masih belum menunaikan tanggungjawab untuk mengundi.

Ini dapat meningkatkan jumlah keluar mengundi, terutama ketika pilihan raya negeri (PRN) dan PRK yang sering menyaksikan penurunan kadar itu.

Di samping itu, teknologi AI berupaya memastikan proses pentadbiran lancar dan sistematik, lebih-lebih lagi mengeluarkan laporan secara automatik sama ada secara berkala atau *ad hoc* seperti laporan peratusan kelulusan ceramah dibenarkan kepada parti bertanding.

Malah, SPR juga boleh menghantar peringatan secara automatik kepada pengundi mengenai masa dan tempat pengundian mengikut saluran ditetapkan di kawasan pilihan raya berkenaan.

Terdapat pelbagai perspektif boleh diketengahkan dalam merealisasikan dan memperkasa teknologi AI dalam sistem pengurusan pengundian pilihan raya terutama kepada pemegang taruh dan pengundi yang menjadi 'pemain utama' pilihan raya.

Teknologi AI boleh digunakan bersama internet benda (IoT) untuk membolehkan mereka mendapat maklumat dan memantau pergerakan pilihan raya secara komprehensif.

Sekiranya berhadapan masalah di tempat pengundian, kombinasi aplikasi AI dan IoT akan memberi maklum balas automatik dan cadangan tindakan termasuk berkaitan pengundian.

Malah, sistem juga boleh memberikan jangkakan tempoh seseorang pengundi menunaikan tanggungjawab berdasarkan pelbagai faktor setempat termasuk cuaca, kesesakan jalan raya dan jumlah semasa di tempat pengundian, sekali

gus dapat memberikan cadangan masa sesuai kepada mereka.

Bagi SPR pula, mereka boleh menggunakan teknologi AI untuk melihat keseluruhan perjalanan pilihan raya secara mikro dan makro, selain memberikan cadangan untuk menyelesaikan masalah timbul.

Atasi cabaran dan isu guna AI

Teknologi AI boleh digunakan untuk membuat analisis data secara sistematik merangkumi peratusan kemenangan setelah semua data diterima secara dalam talian dari pusat pengundian dan dikira secara automatik melalui sistem aplikasi pintar untuk penjumlahan undi sentiasa aktif pada setiap masa.

Bagaimanapun, penggunaan teknologi seperti AI berdepan dengan pelbagai isu dan cabaran, terutama isu infrastruktur yang menjadi perkara asas perlu diselesaikan.

Dalam hal ini, penggunaan teknologi rangkaian komunikasi 5G perlu ditingkatkan, termasuk di pedalaman untuk memastikannya ia boleh diakses dengan pantas menggunakan apa-apa sahaja peralatan pintar seperti telefon pintar bagi memperoleh maklumat dan bahan pilihan raya dalam talian.

Di samping itu, capaian kepada aplikasi AI perlu secara inklusif tanpa terhad kepada penggunaan peranti pintar tertentu sahaja, sebaliknya boleh diguna pakai sebarang telefon pintar.

Pada masa sama, isu keselamatan data perlu dititikberatkan, terutama untuk menjaga kerahsiaan pengguna agar tidak diceroboh dan disalah guna.

Tahap kesedaran atau promosi mengenai penggunaan sistem pengurusan pilihan raya diperkasa dengan teknologi AI perlu ditingkatkan supaya pengundi memanfaatkan aplikasi diperkenalkan sampai mereka cakna mengenainya bermula proses penamaan calon hingga pengundian dan pengumuman pemenang bagi pilihan raya dilaksanakan tidak kira pilihan raya umum (PRU), PRN atau PRK.

Realitinya, teknologi AI dapat meningkatkan kualiti pengurusan pilihan raya kerana menyediakan perkhidmatan kepada pemegang taruh seperti parti, jentera dan calon bertanding, pengundi dan media yang bersifat automatik serta sistematik.

Malah, teknologi AI juga memudahkan SPR menganalisis data dan membuat keputusan serta maklum balas dilakukan dengan pantas. Di samping itu, teknologi itu mampu membantu semua pihak terbabit kerana memahami keperluan dengan lebih baik, mengadaptasi strategi penyelesaian masalah dengan lebih berkesan dan ber sistematik.

Bagaimanapun, capaian kepada sistem pintar perlu bersifat inklusif tidak kira sama ada pengguna berada di bandar, luar bandar mahupun pedalaman, manakala keselamatan data dan privasi yang menjadi kebimbangan utama dalam era digital ini perlu dilindungi sebaik-baiknya.

Oleh itu, langkah keselamatan ketat perlu dilaksanakan bagi memastikan penggunaan AI dengan lancar dan selamat.

“Teknologi AI juga memudahkan SPR menganalisis data dan membuat keputusan serta maklum balas dilakukan dengan pantas teknologi itu mampu membantu semua pihak terbabit kerana memahami keperluan dengan lebih baik”

